

**Perginya perintis Perikatan, pejuang kemerdekaan
Malaysiakini.com
July 01, 2010**

Dengan kembalinya ke Rahmatullah Tun Omar Ong Yoke Lin hari ini, Malaysia kehilangan seorang pejuang kemerdekaan dan anggota terakhir Kabinet pertama negara di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman.

Omar, 92, meninggal dunia akibat sakit tua di rumahnya di Kuala Lumpur pada 8.15 pagi tadi dan jenazah dikebumi di Makam Pahlawan.

Allahyarham adalah seorang daripada pengasas MCA dan pada 1952, dan bersama-sama Datuk Yahya Razak dari UMNO, membuka jalan ke arah pembentukan Perikatan MCA-UMNO yang membawa kepada kelahiran gabungan parti pelbagai kaum dan pelopor kepada Barisan Nasional yang terus memerintah negara sehingga hari ini.

"Ong Yoke Lin dan Datuk Yahyalah yang memutuskan untuk membentuk sebuah perikatan bagi bertanding pada pilihan raya ini," kata Almarhum Tunku Abdul Rahman dalam bukunya pada 1977 bertajuk "Looking Back" bagi mengimbas pilihan raya perbandaran Kuala Lumpur pada 1952 ketika negara masih di bawah pemerintahan British.

Perikatan itu yang memenangi sembilan daripada 12 kerusi pada pilihan raya itu, kemudiannya disertai MIC.

Omar yang juga Ketua MCA Selangor, kemudian menjadi Naib Presiden MCA dan Ahli Parlimen Ulu Selangor.

Beliau adalah antara empat anggota parti Perikatan yang menggubal Perlembagaan Malaya ketika itu di London pada April 1957 sebelum kemerdekaan pada Ogos tahun sama.

Pada 1961, beliau mengetuai delegasi Malaya ke Sarawak bagi membincangkan pembentukan Malaysia dan adalah seorang daripada wakil yang menandatangani perjanjian penubuhan Malaysia di London pada September 1963.

Beliau diberikan jawatan Menteri Pos dan Telekomunikasi oleh Tunku Abdul Rahman dalam barisan Kabinet 10 anggotanya pada 1955 yang turut membabitkan tokoh terkemuka seperti Tun Abdul Razak, Tun VT Sambathan, Tun Dr Ismail Abdul Rahman dan Tun HS Lee.

Antara 1956-1957, beliau menyandang jawatan sebagai Menteri Pengangkutan dan dalam Kabinet pertama selepas kemerdekaan, Omar diberi portfolio Menteri Buruh dan Kebajikan Sosial.

Beliau berkhidmat sebagai Menteri Kesihatan dan Kebajikan Sosial dari 1959 hingga 1962 serta menteri tak berportfolio (1962-1973).

Pada Mei 1962, Omar berlepas ke Amerika Syarikat bagi berkhidmat sebagai Wakil Tetap ke Pertubuhan Bangsa Bersatu bagi tempoh 10 tahun sehingga 1972.

Beliau berkhidmat dan bersara sebagai Presiden Dewan Negara antara 1973 dan 1980.

Selepas meninggalkan kerajaan, Omar memegang beberapa jawatan tinggi di sektor swasta termasuk sebagai Pengerusi Esso Malaysia Bhd, Malaysian Oxygen Bhd dan OYL Industries

Bhd.

Dilahirkan di Kuala Lumpur pada 23 Julai 1917, Omar mendapat pendidikan di Victoria Institution di mana beliau bertemu Yahya.

Beliau lulus peperiksaan matrikulasi Universiti London pada 1934.

Omar yang memeluk Islam pada 1961, dianugerahkan darjah kebesaran Seri Setia Mahkota yang membawa gelaran "Tun" pada 1979.

Beliau terbabit secara aktif dengan kerja kebajikan antaranya sebagai Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan St John's Ambulans, Presiden Yayasan Jantung Malaysia dan Naib Presiden Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/136135>